



TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI  
(AKADEMIK DAN PEMBANGUNAN)  
DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION  
(ACADEMIC AND DEVELOPMENT)

Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department of Higher Education  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Ministry of Higher Education

Aras 9, No.2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Telefon : 603-8870 6401  
Faks : 603-88706842  
Portal Rasmi : <http://jpt.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT(A)1000/001/019/01 Jld.20 (75)

Tarikh : 27 April 2020

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

### **PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA BERSEMUKA DI UNIVERSITI AWAM (UA) DAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilanjutkan kepada Fasa Ke-4 selama 2 minggu bermula 29 April 2020 sehingga 12 Mei 2020. Perlanjutan ini penting bagi memutuskan rangkaian COVID-19 daripada merebak. IPT perlu bersedia untuk mengambil langkah-langkah dan tindakan yang sewajarnya untuk bersama-sama membendung COVID-19 daripada terus merebak terutamanya kepada pelajar agar keselamatan dan kebajikan pelajar sentiasa terjamin.

3. Untuk makluman, sebahagian besar pelajar telah pulang ke rumah masing-masing. Ini adalah selaras dengan keputusan kerajaan untuk membawa pulang pelajar yang masih berada di kampus. Pergerakan pulang pelajar dijangka selesai pada pertengahan bulan Mei 2020.

4. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil maklum sebahagian besar UA dan IPTS sedang

menyambung Semester Kedua 2019/2020 secara dalam talian dan merancang untuk memulakan PdP secara bersemuka pada awal bulan Jun 2020.

5. Namun demikian, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) ingin menekankan agar UA dan IPTS **tidak tergesa-gesa mengambil keputusan memulakan PdP secara bersemuka dengan memanggil pelajar kembali ke kampus sehingga Kerajaan memutuskan dan memberi kebenaran untuk berbuat demikian.** Ini adalah selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk sentiasa memastikan keselamatan semua pihak terjaga. Perkara ini sangat penting kerana pergerakan pelajar kembali ke kampus boleh meningkatkan risiko jangkitan COVID-19 serta berkemungkinan mencetus kluster baharu di kalangan warga IPT.

6. Jabatan mengambil maklum kekangan pelajar UA dan IPTS yang memerlukan PdP secara bersemuka terutamanya pelajar semester akhir dan pasca-siswazah mod penyelidikan bagi melaksanakan kerja-kerja berkaitan klinikal, latihan, makmal, studio reka bentuk, praktikal atau aktiviti yang memerlukan peralatan khas. Perkara ini sedang dibincangkan dengan terperinci dan JPT sedang berusaha untuk memperoleh sedikit kelonggaran ke atas perkara tersebut. Walau bagaimanapun, sekali lagi ingin ditekankan bahawa perkara ini bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa.

7. Jabatan menggalakkan IPT untuk mengambil inisiatif dalam memberikan alternatif kepada pengendalian PdP secara bersemuka agar dapat disesuaikan semasa dan pasca PKP. Kaedah PdP secara dalam talian akan menjadi **norma baharu** bagi memastikan keberlangsungan pembelajaran untuk tempoh yang panjang, bukan hanya sepanjang PKP tetapi pasca PKP, sehingga Kerajaan memaklumkan adalah sesuai untuk UA dan IPTS menyambung semula PdP secara bersemuka.

8. Justeru, Kementerian juga telah mengeluarkan beberapa panduan dan soalan lazim (FAQ) sepanjang PKP bagi menjadi rujukan kepada UA

dalam mengendalikan program akademik selaras dengan arahan yang telah dikeluarkan oleh KKM dan MKN. Di samping itu, Badan Profesional turut mengeluarkan panduan pengendalian PdP bagi program akademik yang dikawal selia oleh badan-badan tersebut agar kelonggaran dapat diberikan tanpa menjejaskan kualiti pendidikan.

9. Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' PROF. IR. DR. MOHD SALEH JAAFAR)**

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
(Akademik dan Pembangunan)  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi

**s.k.:**

1. **YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Bin Yusoff**  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Wilayah Persekutuan Putrajaya
2. **YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali Bin Abas**  
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. **YBrs. Dr. Habibah Binti Abdul Rahim**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya
  
4. **YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub**  
Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Galeria PjH, Jalan P4w, Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
  
5. **YBrs. Dr. Rusmini Binti Ku Ahmad**  
Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Aras 1-3 Blok 2250  
Jalan Usahawan 1, Cyberjaya  
63000 Selangor
  
6. **YBrs. Dr. Hajah Rosnarizah Binti Abdul Halim**  
Pengarah Bahagian Matrikulasi  
Aras 6&7, Blok E15,  
Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya